

SURAT PELARASAN HARGA KONTRAK BERKAITAN PELAKSANAAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP)

MPC.100-14/1/23

2 Julai 2024

RENTOKIL INITIAL (M) SDN. BHD.

Plot 23 (Building 1)
Jalan Jelawat
13700 Butterworth
Pulau Pinang
(UP: Puan Carol Lam)

Puan,

Tajuk Perolehan: Perkhidmatan Pest Control di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) , Wilayah Utara.

No. Rujukan Surat Setuju Terima/Kontrak: MPC.200-5/5/6 NRO

Tarikh Surat Setuju Terima Ditandatangani: 19 Mac 2024

Nombor Pendaftaran Syarikat Dengan JKDM: B16-2404-32000088

Tarikh Kuat Kuasa Pendaftaran Syarikat Dengan JKDM: 1 Mei 2024

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana puan sedia maklum, Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) telah menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) mulai 1 September 2018 berdasarkan Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806] dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807].

3. Berikutan pelaksanaan CJCP, Kerajaan bersetuju dengan pelarasan harga seperti berikut:

- i. Harga Kontrak Asal: RM 3,641.40
- ii. Baki Perolehan Yang Belum Disempurnakan: RM 3,034.50
- iii. Kenaan Cukai Jualan dan/atau Cukai Perkhidmatan: RM 242.76
- iv. Jumlah Harga Kontrak Terkini: RM 3,277.26

4. Walau bagaimanapun, terma-terma dan syarat-syarat yang termaktub dalam Surat Setuju Terima dan/atau kontrak adalah masih kekal dan hendaklah berkuat kuasa sepenuhnya antara kedua-dua pihak.

5. Dengan pengakuan penerimaan surat ini, syarikat puan dengan ini bersetuju dengan pelarasan harga ini. Surat ini hendaklah dibaca dan menjadi sebahagian daripada dokumen kontrak yang telah ditandatangani dan mengikat kedua-dua pihak.

Sekian, terima kasih.


“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(ZAHID ISMAIL)

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Tandatangan & Cop (Kerajaan) :





Tandatangan & Cop (Syarikat) :

**PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT PELARASAN HARGA KONTRAK
BERKAITAN PELAKSANAAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN
(CJCP)**

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah.....bertarikh.....dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah pun disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung dalam dokumen

*sebut harga/tender dan Surat ini telah dikenakan.


.....
Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
Tarikh :

.....
NamaPenuh :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
Tarikh :

Meterai atau Cop Syarikat

**potong mana yang tidak berkenaan*

Tandatangan & Cop (Kerajaan) :



Tandatangan & Cop (Syarikat) :